A **Keris Travel & Tour Sdn Bhd lwn Lee Saw Chan dan satu lagi**

B MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — NOTIS USUL NO 25–21 TAHUN 2003
VT SINGHAM H
16 AUGUST 2007

C *Undang-Undang Pentadbiran — Remedi — Certiorari — Tribunal Tuntutan Pengguna — Tanggungjawab untuk memberi alasan — Sama ada Tribunal dikehendaki oleh undang-undang memberikan alasan untuk keputusan — Akta Perlindungan Pengguna 1999 s 114*

D *Undang-Undang Pentadbiran — Remedi — Certiorari — Tribunal Tuntutan Pengguna — Sama ada Tribunal terkhilaf dalam prosiding berhubung tuntutan bertentangan s 104(2) — Akta Perlindungan Pengguna 1999 s 114*

E Responden pertama telah membuat tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna untuk mendapatkan bayaran balik wang yang dikatakan dibayar oleh responden pertama kepada pemohon untuk tiket-tiket kapal terbang ke London. Tempahan tersebut telah dibatalkan dan terdapat pertikaian sama ada bayaran yang telah dibuat seharusnya dibayar kepada responden pertama (serta individu-individu yang lain) atau kepada pihak-pihak ketiga yang turut membuat tuntutan terhadap bayaran
F tersebut. Tuntutan responden pertama telah dibenarkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna pada 23 April 2003. Pemohon memohon ke Mahkamah Tinggi untuk satu perintah certiorari agar award bertarikh 23 April 2003 tersebut dibatalkan.

G **Diputuskan**, membenarkan permohonan pemohon:

(1) Walaupun Mahkamah Rayuan di dalam kes *Haslinda Hamzah v Kumon Method of Learning Centre* menyatakan bahawa Pengerusi Tribunal tidak perlu memberikan alasan-alasan secara bertulis, ini bukan bermakna Pengerusi Tribunal langsung tidak diwajibkan untuk memberi alasan-alasan untuk
H keputusan yang dibuat kerana ini adalah keperluan peruntukan statut. Pihak yang kalah berhak dan mesti diberitahu apakah sebab-sebab keputusan yang telah diberi tidak memihak kepada beliau, dalam kes ini, pemohon dan juga untuk pengetahuan mahkamah supaya mahkamah dapat membuat keputusan yang adil dalam permohonan semakan kehakiman. Seterusnya, walaupun Tribunal diwujudkan untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan kecil
I yang dihadapi oleh pengguna-pengguna, keputusan yang diberi oleh Tribunal tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya tetapi dengan secara adil dan berpatutan (lihat perenggan 10–11).

(2) Peruntukan di bawah s 104(2) Akta Perlindungan Pengguna 1999 adalah jelas bahawa sekiranya prosiding di mahkamah telah dimulakan sebelum tuntutan

difailkan dengan Tribunal perkara-perkara yang dipertikaikan di dalam tuntutan di mahkamah, maka tuntutan itu tidak boleh menjadi prosiding di antara pihak-pihak yang sama di Tribunal melainkan tuntutan di mahkamah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan. Mengikut kronologi peristiwa kes dan hujah-hujah peguam bagi pemohon, Pengerusi Tribunal telah terkhilaf dari segi undang-undang di mana keputusan yang dibuat oleh Tribunal adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah s 104(2) Akta tersebut. Kegagalan untuk mematuhi kehendak statutori seperti dalam kes ini adalah satu kemungkiran asas (fundamental) dan serius dan tidak boleh dikompromi atau boleh diperbaiki (lihat 13, 17 & 22).

(3) Prosiding di Tribunal tidak boleh diteruskan atau dilaksanakan dengan tergesa-gesa atau sewenang-wenangnya atau tanpa memberi peluang yang munasabah kepada pihak-pihak (di mana pihak-pihak tidak dibenarkan untuk diwakili oleh peguam) supaya pihak-pihak dapat membawa bukti untuk menyokong sebarang tuntutan atau pembelaan masing-masing. Pengerusi Tribunal sepatutnya menangguhkan prosiding di tribunal dan mengarahkan atau meminta pemohon yang tidak diwakili oleh peguam membawa dokumen-dokumen untuk membuktikan terdapat saman interplider di mahkamah sesyen (lihat perenggan 18 & 21).

(4) Keadilan bukan sahaja untuk pengguna walaupun Tribunal diwujudkan untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan kecil yang tidak melebihi RM25,000 yang dihadapi oleh pengguna-pengguna. Sebaliknya, keadilan juga terpakai dengan adil dan saksama bagi pihak-pihak yang dituduh dan hadir di Tribunal dan Tribunal sepatutnya memberi peluang yang saksama kepada pemohon untuk mengemukakan keterangan dan menyangkal tuntutan pengguna (lihat perenggan 23).

[English summary

The first respondent lodged a claim in the Tribunal for Consumer Claims to recover the monies alleged to have been paid by the first respondent to the applicant for airline tickets to London. The reservation was cancelled and there was a dispute on the price made which should have been paid to the first respondent (and other individuals) or to the third party who made the claim against the payment. The first respondent's claimwas allowed by the Tribunal for Consumer Claims on 23 April 2003. The applicant applied to the High Court for a certiorari order that the award dated 23 April 2003 be struck out.

Held, allowing the applicant's application:

(1) Although the Court of Appeal in the case of *Haslinda Hamzah v Kumon Method of Learning Centre* stated that the Tribunal's Chairman need not provide any written grounds, this did not mean that the Tribunal's Chairman was not obligated at all to provide grounds for the decision made as this was required by the provisions of the statute. The unsuccessful party has a right and must inform what are the grounds of the decision made which did not side them, in this case, the applicant and also for the court's information so that the

court can make a fair decision in a judicial review application. Therefore, although the Tribunal was established to resolve small claims faced by the consumers, the decision delivered by the Tribunal should not be made arbitrarily but should be fair and reasonable (see para 10–11).

(2) The provision under s 104(2) of the Consumer Protection Act 1999 is clear that in the event a court proceeding has commenced before the claim was filed with the Tribunal on matters disputed in the claim in court, the claim cannot become a proceeding between the same parties in the Tribunal unless the claim in court is retracted, abandoned or struck out. Based on the chronology of the case and the submission by the counsel for the applicant, the Tribunal's Chairman had erred in law where the decision made by the Tribunal was contrary to the provision under s 104(2) of the Act. The failure to comply with the statutory requirement in this case was a fundamental and serious breach and could not be compromised or curable (see paras 13, 17 & 22).

(3) The proceeding in the Tribunal should not continue or conducted in haste or arbitrarily or without giving a reasonable opportunity to the parties (where the parties were not allowed to be represented by counsel) so that the parties could produce evidence to support the claim or defence respectively. The Tribunal's Chairman should have postponed the proceeding in the tribunal and ordered or requested that the applicant not represented by counsel to produce documents to prove there was an interpleader summons in the sessions court (see paras 18 & 21).

(4) Justice should not be only for the consumers even though the Tribunal established to resolve small claims not more than RM25,000 faced by consumers. Justice should also be conducted fair and just for the parties charged and appear in the Tribunal dan the Tribunal should provide an equitable opportunity for the applicant to adduce evidence and rebut the consumer's claim (see para 23).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai certiorari, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 231–469.

Kes-kes yang dirujuk

Alloy Automotive Sdn Bhd v Perusahaan Ironfield Sdn Bhd [1986] 1 MLJ 382 (dirujuk)

Haslinda bte Hamzah v Kumon Method of Learning Centre [2006] 3 MLJ 124 (dirujuk)

Ng Hee Thong & Anor v Public Bank Bhd [1995] 1 MLJ 281 (dirujuk)

Soonfroze Corp Sdn Bhd v Siti Salabiah bte Chek Hassan & Ors [2003] 5 MLJ 361; [2003] 2 AMR 427 (dirujuk)

Sunrise Sdn Bhd v First Profile (M) Sdn Bhd & Anor [1996] 3 MLJ 533 (dirujuk)

Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v Transport Workers' Union [1995] 2 MLJ 317 (dirujuk)

Telekom Malaysia Bhd v Tribunal Tuntutan Pengguna & Anor [2007] 1 MLJ 626 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perlindungan Pengguna 1999 ss 104(1)(a), (2), 110, 114

Su Keong Siew (KS Su & Mah) bagi pihak pemohon.

VT Singham H:

[1] Di dalam kes ini, pemohon telah memohon supaya mahkamah ini mengeluarkan perintah certiorari agar award bertarikh 23 April 2003 oleh Tribunal Tuntutan Pengguna ('Tribunal') yang memerintahkan pemohon untuk membayar wang sebanyak RM4,055 kepada responden pertama dibatalkan.

[2] Untuk melengkapkan perkara ini, mahkamah ini ingin menyatakan bahawa pada 25 September 2003 mahkamah ini telah memberi kebenaran(leave) kepada pemohon untuk mengeluarkan perintah certiorari untuk membawa award Tribunal Tuntutan Pengguna bertarikh 23 April 2003 yang memerintahkan pemohon membayar wang sejumlah RM4,055 kepada responden pertama dibatalkan dengan serta merta. Mahkamah ini juga pada tarikh tersebut telah mengarahkan Pengerusi Tribunal untuk memberi alasan-alasan (reasons) dalam memberikan award bertarikh 23 April 2003 seperti yang dikehendaki di bawah s 114 Akta Perlindungan Pengguna 1999 ('Akta tersebut') (rujuk kes *Haslinda bte Hamzah v Kumon Method of Learning Centre* [2006] 3 MLJ 124). Seksyen 114 memperuntukkan seperti berikut:

Seksyen 114:

> Sebab keputusan:
>
> Tribunal hendaklah dalam semua prosiding memberikan sebabnya bagi award yang diberikannya dalam prosiding itu"

[3] Melalui notis usul bertarikh 8 Oktober 2003 (lampiran 11) pemohon telah memohon semakan kehakiman dan perintah-perintah seperti tersebut di bawah:

(a) Mahkamah yang mulia ini untuk mengeluarkan perintah certiorari untuk membawa ke dalam mahkamah yang mulia ini dan seterusnya dibatalkan dengan serta merta award Tribunal Tuntutan Pengguna bertarikh 23 April 2003 yang memerintahkan pemohon dikehendaki membayar wang sejumlah RM4,055 kepada responden pertama;

placeKos permohonan dan/atau tindakan ini dibayar oleh responden pertama;

(b) Notis usul tersebut telah disokong oleh afidavit En Yeoh Guat Kooi yang diikrar pada 8 Oktober 2003 (lampiran 12) dan juga afidavit tambahan yang diikrar pada 30 Januari 2004 (lampiran 16).

[4] Tuntutan responden pertama yang difailkan di Tribunal melalui Borang 1 adalah seperti berikut:

Saya Lee Saw Chan

Dengan Keris Travel Agency

Saya hendak bekerja di London. Saya sudah membeli tiket penerbangan ke London tanggal 12 Ogos 2002 tetapi telah dibatalkan hingga 20 Ogos 2002 tetapi saya tidak jadi bekerja di London kerana saya sudah mendapat kerja di Malaysia. Saya Lee Chaw San menuntut balik wang pembelian tiket hingga sekarang sampai enam bulan belum dikembalikan.

Sekian, terima kasih.

[5] Pernyataan pembelaan pemohon secara ringkas adalah seperti berikut:

(i) Pada lebih kurang akhir bulan Julai 2002, seorang yang bernama Mrs Lee yang bertindak sebagai ejen perkhidmatan dan/atau pekerja responden pertama telah datang ke pejabat pemohon dan memberitahu pemohon bahawa beliau berminat untuk membeli tiket penerbangan ulang alik dari Kuala Lumpur-London-Kuala Lumpur melalui pesawat penerbangan MAS.Seterusnya, Mrs Lee telah menanyakan berapa harga tiket penerbangan. Pemohon telah memberitahu harganya adalah RM4,055 untuk satu tiket.

(ii) Seterusnya, pada lebih kurang 6 Ogos 2002, Mrs Lee sebagai ejen perkhidmatan/dan atau pekerja responden pertama telah kembali ke pejabat pemohon dan telah menyatakan bahawa beliau berminat untuk menempah tiket penerbangan dari Kuala Lumpur-London-Kuala Lumpur dengan pesawat MAS dan telah memberikan RM500 sebagai deposit berserta satu senarai yang mengandungi nama 16 orang yang akan membeli tiket tersebut.

(iii) Pemohon kemudiannya membeitahu Mrs Lee bahawa tiket hanya akan dikeluarkan selepas bayaran penuh berjumlah RM64,880 diterima. Diantara 16 orang yang dinyatakan di dalam senarai yang diberi (golongan pertama) oleh Mrs Lee kepada pemohon, responden pertama adalah salah seorang daripadanya. Selepas itu, Mrs Lee memberitahu pemohon bahawa beliau akan membuat pembayaran penuh secepat mungkin dan bayaran akan dibuat dengan memasukkan wang ke dalam akaun bank pemohon di Maybank. Di atas permintaan Mrs Lee, pemohon telah memberikan nombor akaun bank pemohon kepadanya supaya bayaran dapat dibuat bagi golongan pertama yang termasuk responden pertama.

(iv) Pada 7 Ogos 2002, Mrs Lee telah menelefon pemohon dan memberitahu bahawa beliau telah memasukkan RM64,800 ke dalam akaun bank pemohon sebagai jumlah pembayaran tiket-tiket tersebut.Setelah mendapat pengesahan daripada bank pemohon, seperti yang diarahkan oleh Mrs Lee, pemohon telah mengeluarkan 16 keping tiket penerbangan tersebut pada 12 Ogos 2002 mengikut senarai yang diberikan yang diberikan oleh Mrs Lee iaitu golongan pertama.

(v) Pada 12 Ogos 2002, Mrs Lee telah hadir dan sepertimana yang diminta, pemohon telah memberikan 16 tiket-tiket tersebut kepada Mrs Lee untuk tindakan lanjut.

(vi) Pada 12 September 2002, pada jam 10.30 pagi, seorang perempuan datang ke pejabat pemohon dan memberitahu bahawa beliau dan kawannya telah memberikan wang di atas nama pemohon kepada Mrs Lee dan walaupun wang

telah ditunaikan, perempuan tersebut dan kawannya masih belum menerima tiket-tiket tersebut. Memandangkan pemohon tidak mempunyai rekod pembelian tiket perempuan tersebut dan kawannya, pemohon kemudiannya menanyakan apa yang sebenarnya berlaku. Perempuan tersebut menyatakan bahawa Mrs Lee telah mengarahkan beliau untuk memberi draf bank dan menyerahkan kepada Mrs Lee untuk membeli tiket penerbangan untuk terbang ke London.

(vii) Setelah membuat pemeriksaan lanjut dari pegawai lain di syarikat pemohon, pemohon mendapati bahawa pemohon tidak pernah menerima arahan atau tempahan untuk menyediakan atau mengisukan tiket penerbangan di atas nama perempuan tersebut.

(viii) Selepas itu, pada 17 September 2002, pada jam 1.30 petang, beberapa orang lain telah hadir di syarikat pemohon dan menceritakan perkara yang sama seperti perempuan tersebut dan setelah disiasat, pemohon mendapati nama mereka tidak ada dalam senarai yang diberikan oleh Mrs Lee untuk dikeluarkan tiket. Orang-orang ini dirujuk sebagai golongan kedua.

(ix) Melalui placeCitysurat bertarikh 19 September 2002, responden pertama bersama beberapa orang dari golongan pertama dan kedua telah memberi notis kepada pemohon bahwa mereka ingin membatalkan tiket penerbangan mereka dan menuntut pengembalian wang dari pemohon.

(x) Melalui surat bertarikh 23 September 2002 daripada Tetuan Guldev Dalgit & Su, yang bertindak sebagai peguamcara golongan kedua, golongan kedua telah mendakwa wang yang dibayar oleh Mrs Lee kepada pemohon adalah kepunyaan golongan kedua dan golongan kedua kini menuntut pengembalian wang dari pemohon.

(xi) Pada atau 25 September 2002, responden serta orang-orang dari golongan pertama telah memulangkan tiket-tiket tersebut agar pemohon dapat mengembalikan wang yang selepas dipotong dengan harga servis caj dan pentadbiran berjumlah RM125. Pada masa itu, pemohon masih menanti pengembalian wang dari MAS yang pada keseluruhannya berjumlah RM58,950.

(xii) Memandangkan terdapat dua kumpulan yang menuntut dari pemohon bagi wang yang sama, iaitu golongan pertama dan kedua, maka pemohon tidak tahu kepada siapakah wang tersebut patut diserahkan atau dibayar setelah pengembalian wang diterima dari MAS.

(xiii) Dalam keadaan tersebut, pemohon telah memfailkan Saman Interplider No 54–15–02 di Mahkamah Sesyen, Ipoh agar mahkamah dapat menentukan siapakah yang sebenarnya berhak ke atas wang yang dituntut.

(xiv) Responden pertama telah melantik Tetuan Vincent Hooi & Chan untuk mewakili beliau dalam prosiding Saman Interplider yang diteapkan untuk perbicaran pada 16 April 2003.

(xv) Pemohon menyatakan bahawa resit-resit pembayaran untuk tiket tersebut dikeluarkan berdasarkan senarai nama 16 orang yang dibekalkan oleh Mrs Lee selaku ejen perkhidmatan dan/atau pekerja responden pertama.

(xvi) Pemohon seterusnya menyatakan bahawa responden pertama tidak mempunyai kausa tindakan terhadap pemohon kerana pemohon tidak menerima bayaran dari responden pertama. Pemohon juga menyataakn pemohon menerima bayaran melalui draf bank dari Mrs Lee yang bertindak sebagai ejen dan pemohon menyatakan bahawa kemungkinan balasan untuk pembayaran tiket datang dari golongan pertama dan bukan dari responden pertama. Oleh itu, responden pertama tidak berhak menuntut RM4,055 atau mana-mana bahagian darinya.

(xvii) Selanjutnya, selepas potongan dari pihak MAS, pemohon hanya akan menrima RM3,930 dan sekiranga responden pertama berhak untuk menuntut wang pengembalian tersebut yang mana tidak diakui, responden pertama hanya berhak untuk wang sejumlah RM3,930 sahaja.

(xviii) Pemhon juga menyatakan oleh kerana pemohon telah memfailkan saman interplider di mahkamah, maka wujudnya pengulangan (duplicity) tuntutan oleh responden pertama. Oleh itu, Tribunal bukanlah korum yang sesuai untuk mendengar tuntutan dan sepatutnya tuntutan responden pertama diputuskan oleh mahkamah bersama penuntut-penuntut yang lain. Oleh itu, pemohon memohon tuntutan dibatalkan.

[6] Di antara alasan-alasan yang diadukan oleh pemohon diatas permohonan (lampiran 11), dan mengikut afidavit sokongan dan afidavit tambahan pemohon tersebut dan kronologi, khasnya, adalah bahawa Tribunal telah terkhilaf dari segi undang-undang.

[7] Hujahan bagi pemohon adalah terdapat satu saman interplider di Mahkamah Sesyen Ipoh yang telah wujud sebelum tuntutan di Tribunal difailkan dan masih belum diselesaikan dan perkara ini telah dimaklumkan kepada Tribunal tersebut dimana award tersebut adalah bertentangan dengan peruntukan dibawah s 104(1)(a) Akta tersebut yang dibaca bersama sub-s (2) Akta tersebut.

[8] Fakta dan keadaan latar belakang kes itu seperti terkandung dalam kronologi peristiwa kes (lampiran 23) yang difailkan oleh peguam bagi pemohon dan secara ringkasnya adalah seperti berikut:

BUTIRAN	TARIKH	PERISTIWA
1	Julai 2002	Mrs Lee datang ke pejabat pemohon memaklumkan hasrat beliau untuk membeli tiket penerbangan ulang-alik daripada Kuala Lumpur-London melalui pesawat MAS.
2	6 Ogos 2002	Mrs Lee kembali ke pejabat pemohon dan menempah 16 tiket penerbangan ulang-alik daripada Kuala Lumpur-London-Kuala Lumpur melalui pesawat MAS dan memberikan satu senarai 16 nama orang ('Golongan Pertama') dan membayar wang deposit.

3	7 Ogos 2002	Mrs Lee membuat bayaran wang sejumlah RM64,800 ke dalam akaun pemohon	A
4	12 Ogos 2002	Mrs Lee datang ke pejabat pemohon dan pemohon telah memberi 16 tiket penerbangan ulang-alik daripada Kuala Lumpur-London-Kuala Lumpur melalui pesawat MAS.	B
5	17 September 2002	Golongan Kedua datang ke pejabat pemohon mendapat maklumat mengenai pembelian tiket penerbangan mereka melalui Mrs Lee.	C
6	19 September 2002	Responden 1, daripada Golongan Pertama memaklumkan kepada pemohon untuk membatalkan tiket penerbangan mereka dan menuntut pengembalian wang.	
7	23 September 2002	Pemohon menerima placeCitysurat daripada Tetuan Gurdev Dalgit Su & Co yang mewakili Golongan Kedua menuntut pengembalian wang mereka yang telah digunakan untuk membeli 16 tiket penerbangan tersebut.	D
8	25 September 2002	Responden 1, bersama orang-orang lain dalam Golongan Pertama memulangkan tiket-tiket mereka untuk dibatalkan.	E
9	29 November 2002	Pemohon memfailkan Saman Interplider di Mahkamah Sesyen Ipoh dan Responden 1 telah melantik Tetuan Vincent Hooi & Chan untuk mewakili mereka.	F
10	29 November 2002	Responden 1 juga memfailkan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna.	G
11	16 Disember 2002	Pemohon memfailkan pembelaan di Tribunal Tuntutan Pengguna.	
12	26 Februari 2003	Pada tarikh perbicaraan di Tribunal Tuntutan Pengguna, Pengerusi telah menolak tuntutan Responden 1 kerana kegagalan beliau untuk menghadiri Tribunal.	H
13	3 Mac 2003	Responden 1 telah memfailkan tuntutan yang kedua di Tribunal Tuntutan Pengguna.	I
14	24 Mac 2003	Pemohon sekali lagi memfailkan pembelaan di Tribunal Tuntutan Pengguna bagi tuntutan kedua.	

15	23 April 2003	Pada tarikh perbicaraan di Tribunal Tuntutan Pengguna, Pengerusi telah membenarkan tuntutan dan memberi award berjumlah RM4,0555 kepada Responden 1.
16	5 September 2003	Tuntutan Responden 1 di Mahkamah Sesyen Ipoh ditarikbalik dan dibatalkan.

[9] Kes ini telah dipanggil untuk perbicaraan di mahkamah ini pada 11 Disember 2003, 12 Oktober 2006, 7 Februari 2007, 14 Mei 2007 dan 12 Julai 2007. Malangnya, responden pertama dan kedua tidak hadir di mahkamah ini pada setiap tarikh perbicaraan walaupun telah dimaklumkan mengenai tarikh-tarikh tersebut. Dengan ketidakhadiran responden pertama dan kedua, peguam pemohon meneruskan dengan hujah-hujah bagi permohonan (lampiran 11) dan kes diteruskan.

[10] Setelah membaca, meneliti notis usul (lampiran 11) yang disokong oleh afidavit (lampiran 12) dan afidavit tambahan (lampiran 16), kronologi peristiwa kes (lampiran 23), hujahan ringkas bertulis oleh peguam pemohon (lampiran 24) dan autoriti-autoriti (lampiran 24A) dan hujah-hujah lisan, mahkamah ini berpendapat bahawa ini adalah satu kes di mana mahkamah ini perlu masuk campur dan mengenepikan (quash) award yang diberikan oleh Tribunal. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa mahkamah ini telah mengeluarkan perintah bertarikh 25 September 2003 di atas permohonan peguam bagi pemohon supaya Pengerusi Tribunal dikehendaki untuk memberi alasan dalam memberikan award pada 23 April 2003 di bawah s 114 Akta tersebut dan diikuti oleh surat bertarikh 11 Disember 2003 dari Pendaftar Mahkamah Tinggi Ipoh dan dialamatkan kepada Pengerusi Tribunal di Ipoh, tetapi tiada alasan-alasan dibekalkan oleh Pengerusi Tribunal sehingga kini. Mahkamah ini juga ingin menyatakan bahawa walaupun Mahkamah Rayuan di dalam kes *Haslinda bte Hamzah v Kumon Method of Learning Centre* [2006] 3 MLJ 124 menyatakan bahawa Pengerusi Tribunal tidak perlu memberikan alasan-alasan secara bertulis, ini bukan bermakna Pengerusi Tribunal langsung tidak diwajibkan untuk memberi alasan-alasan untuk keputusan yang dibuat kerana ini adalah keperluan peruntukan statut. Perkara ini adalah satu perkara yang dikesalkan dan amat mendukacitakan kerana kelihatan seperti Pengerusi Tribunal tidak menghormati perintah mahkamah ataupun mematuhi kehendak statut.

Seksyen 114 Akta tersebut memperuntukan seperti berikut:

> Seksyen 114:
>
> Sebab keputusan:
>
> Tribunal hendaklah dalam semua prosiding memberikan sebabnya bagi award yang diberikannya dalam prosiding itu

[11] Seterusnya, mahkamah ini menyatakan bahawa pihak yang kalah berhak dan mesti diberitahu apakah sebab-sebab keputusan yang telah diberi tidak memihak kepada beliau, dalam kes ini, pemohon dan juga untuk pengetahuan mahkamah supaya mahkamah dapat membuat keputusan yang adil dalam permohonan semakan

kehakiman. Seterusnya, mahkamah ini ingin menegaskan bahawa walaupun Tribunal diwujudkan untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan kecil yang dihadapi oleh pengguna-pengguna, keputusan yang diberi oleh Tribunal tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya tetapi dengan secara adil dan berpatutan. A

[12] Dalam kes ini, tidak ada sebarang afidavit jawapan kepada permohonan lampiran 11, afidavit sokongan (lampiran 12) dan afidavit tambahan (lampiran 16) dan juga responden pertama dan kedua tidak hadir di mahkamah ini pada tarikh-tarikh perbicaraan tersebut di atas (rujuk kes *Alloy Automotive Sdn Bhd v Perusahaan Ironfield Sdn Bhd* [1986] 1 MLJ 382; *Ng Hee Thong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281 dan *Sunrise Sdn Bhd v First Profile (M) Sdn Bhd & Anor* [1996] 3 MLJ 533). B C

[13] Peruntukan di bawah s 104(2) Akta tersebut adalah jelas bahawa sekiranya prosiding di mahkamah telah dimulakan sebelum tuntutan difailkan dengan Tribunal perkara-perkara yang dipertikaikan di dalam tuntutan di mahkamah, maka tuntutan itu tidak boleh menjadi prosiding di antara pihak-pihak yang sama di Tribunal melainkan tuntutan di mahkamah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan. D

Seksyen 104 Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut:

Penyingkiran bidang kuasa Mahkamah

1 Jika sesuatu tuntutan dikemukakan kepada Tribunal dan tuntutan itu adalah dalam bidang kuasa Tribunal, isu yang dipertikaikan dalam tuntutan itu, sama ada sebagaimana yang ditunjukkan dalam tuntutan yang mula-mula atau muncul semasa pendengaran, tidak boleh menjadi perkara dalam prosiding antara pihak yang sama dalam mana-mana mahkamah melainkan jika: — E

(a) prosiding di hadapan mahakamah itu telah dimulakan sebelum tuntutan itu dikemukakan kepada Tribunal; atau F

(b) tuntutan di hadapan Tribunal telah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan.

2 Jika perenggan (1)(a) terpakai, isu yang dipertikaikan dalam tuntutan yang dengannya prosiding itu berkaitan, sama ada sebagaimana yang ditunjukkan dalam tuntutan yang mula-mula atau muncul semasa pendengaran, tidak boleh menjadi perkara dalam prosiding antara pihak yang sama di hadapan Tribunal melainkan jika tuntutan di hadapan mahkamah telah ditarik balik,ditinggalkan atau dibatalkan. G

[14] Mengikut kronologi peristiwa kes (lampiran 23), saman interplider telah difailkan di Mahkamah Sesyen Ipoh lihat No kes 54–12–02 pada 29 November 2002 dan responden pertama telah melantik peguam dan juga membuat tuntutan dan mengambil bahagian di saman interplider di Mahkamah Sesyen Ipoh. Walau bagaimanapun, responden pertama telah memfailkan tuntutan ('tuntutan kedua') kepada Tribunal pada 3 Mac 2003 di mana pada tarikh tersebut prosiding saman interplider di Mahkamah Sesyen Ipoh No Kes 54–12–02 masih wujud dan responden pertama diwakili oleh seorang peguam dalam prosiding di Mahkamah Sesyen Ipoh. H I

[15] Pada 24 Mac 2003 pemohon telah memfailkan pembelaan di Tribunal untuk tuntutan kedua. Melalui pembelaan tersebut, pemohon telah membangkitkan

perkara bahawa prosiding saman interplider tersebut masih dibicarakan di mahkamah dan tuntutan tersebut dibuat oleh responden pertama dalam saman interplider tersebut. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa sebenarnya responden pertama telah memfailkan tuntutan di Tribunal ('tuntutan pertama') pada 29 November 2002 terhadap pemohon. Malangnya, tuntutan pertama telah ditolak oleh Tribunal pada 26 Februari 2003 kerana kegagalan responden pertama menghadiri Tribunal. Dalam prosiding Tribunal, pemohon juga telah memfailkan pembelaan untuk tuntutan pertama yang dibuat oleh responden pertama dimana tuntutan pertama telah ditolak pada 26 Februari 2003.

[16] Seterusnya pada 23 April 2003 wakil permohon hadir di hadapan Pengerusi Tribunal untuk tuntutan kedua dan telah memaklumkan kepada Pengerusi Tribunal mengenai prosiding Saman Interplider No 54–12–02 masih wujud dan kes di mahkamah sesyen ditangguhkan untuk bicara pada 5 May 2003 tetapi Pengerusi Tribunal masih meneruskan dengan tuntutan dan mengawardkan wang sejumlah RM4,055 kepada responden pertama. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa, walaupun Pengerusi Tribunal telah mencatit dalam nota-nota prosiding pada 23 April 2003 bahawa mahkamah sesyen mempunyai kes yang sama, iaitu, saman interplider seperti dicatit di eksh YGK-10 di afidavit tambahan (lampiran 16), Pengerusi Tribunal masih meneruskan dengan tuntutan kedua responden pertama sebab beliau berpendapat terdapat kes di mahkamah sesyen yang tidak dibuktikan kewujudannya. Oleh itu, tuntutan kedua dibenarkan. Selepas itu pada 5 September 2003 tuntutan yang dibuat oleh responden pertama dalam prosiding saman interplider di Mahkamah Sesyen Ipoh telah ditarik balik oleh responden pertama dan dibatalkan.

[17] Mahkamah ini berpendapat bahawa dan mengikut kronologi peristiwa kes (lampiran 23) dan hujah-hujah peguam bagi pemohon, Pengerusi Tribunal telah terkhilaf dari segi undang-undang dimana keputusan yang dibuat oleh Tribunal adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah s 104(2) Akta tersebut. (rujuk kes *Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v Transport Workers' Union* [1995] 2 MLJ 317 di mana kes itu telah diikuti dalam kes *Telekom Malaysia Bhd v Tribunal Tuntutan Pengguna & Anor* [2007] 1 MLJ 626).

[18] Mahkamah ini juga berpendapat bahawa prosiding di Tribunal tidak boleh diteruskan atau dilaksanakan dengan tergesa-gesa atau sewenang-wenangnya atau tanpa memberi peluang yang munasabah kepada pihak-pihak (dimana pihak-pihak tidak dibenarkan untuk diwakili oleh peguam) supaya pihak-pihak dapat membawa bukti untuk menyokong sebarang tuntutan atau pembelaan masing-masing. Seksyen 108 Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> Hak untuk hadir pada pendengaran.
>
> (a) Pada pendengaran sesuatu tuntutan tiap-tiap pihak adalah berhak untuk hadir dan didengar.
>
> (b) Tiada pihak boleh diwakili oleh peguambela dan peguamcara pada sesuatu pendengaran
>
> (c) Tertakluk kepada subseksyen(2) tetapi awalau apa pun seksyen 37 Akta Profesion Undang-Undang 1976 —

(i) sesuatu perbadanan atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan boleh diwakili oleh pekerjanya yang digaji sepenuh masa;

(ii) seseorang orang belum dewasa atau mana-mana orang lain ynag tidak berupaya boleh diwakili oleh sahabat wakil atau penjaga ad litemnya.

(d) Jika sesuatu pihak diwakili sebagaimana yang diperuntukkan dibawah subseksyen (3) Tribunal boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu bagi memastikan bahawa pihak yang satu lagi kepada prosiding itu tidaklah pada matannya diletakkan dalam keadaan yang kurang baik.

[19] Dalam kes ini, didapati pemohon telah memaklumkan Pengerusi Tribunal bahawa terdapat satu prosiding saman interplider di mahkamah sesyen yang masih wujud tetapi Pengerusi Tribunal masih meneruskan dengan prosiding. Catitan oleh Pengerusi Tribunal pada 23 April 2003 yang dicatit di eksh YGK-10 di afidavit tambahan (lampiran 16) menyatakan seperti berikut:

Tarikh: 23 April 2003

Presiden: Tuan Eddie Yeo Soon Chye

Pihak Yang Menuntut: Hadir

Nama: Lee Saw Chan (I/C: 620310–06–5036)

Pihak Penentang: Hadir

Nama: Yeoh Guat Kooi (I/C: 530702–02–6186)

Penuntut: Paid RM4,055.00 given back to Travel Agent (Resit) Keris travel on 20 August 2002

Penentang: Sessions Court Ipoh 54–15–02 filed-postponed to 5 May 2003

Sebab keputusan:

Tiket dikembalikan kepada penentang pada 20 Ogos 2002 untuk wang RM4,055 walaupun Mahkamah Sesyen mempunyai kes yang sama tetapi tiada bukti saman Mahkamah Sesyen. Oleh itu-tuntutan adalah dibenarkan.

Award (Borang 10)

Penentang hendaklah bayar penuntut wang sebanyak RM4.055 dalam tempoh 14 hari dari tarikh award.

Eddie Yeo Soon Chye

Presiden

Tribunal Tuntutan Pengguna

Malaysia.

[20] Sepatutnya, Pengerusi Tribunal seharusnya menyiasat pembelaan pemohon mengenai kewujudan satu saman interplider di mahkamah dan menangguhkan prosiding ke tarikh lain dan bukannya meneruskan prosiding secara tergesa-gesa seperti yang berlaku dalam kes ini.

[21] Oleh itu, di atas fakta dan keadaan kes ini, mahkamah ini berpendapat bahawa Pengerusi Tribunal sepatutnya menangguhkan prosiding di Tribunal dan

mengarahkan atau meminta pemohon yang tidak diwakili oleh peguam membawa dokumen-dokumen untuk membuktikan terdapat saman interplider di mahkamah sesyen. Malangnya, ini tidak dilakukan oleh Pengerusi Tribunal walaupun s 110 Akta tersebut memberi kuasa kepada Tribunal untuk meminta atau mengarahkan mana-mana pihak untuk membawa dokumen-dokumen atau rekod yang diperlukan. Pengerusi Tribunal juga mempunyai kuasa untuk menjalankan siasatan mengenai sebarang perkara (rujuk kepada sub-s (1)(a), (b), (d), (e) dan (g) di s 110 Akta tersebut).

Seksyen 110 memperuntukkan seperti berikut:

> Keterangan
>
> (f) Tribunal boleh —
>
> (i) mendapatkan dan menerima keterangan bersumpah atau dengan ikrar, sama ada bertulis atau lisan, dan memeriksa semua orang sebagai saksi, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal untuk didapatkan,diterima atau diperiksa;
>
> (ii) mengkehendaki pengemukaan buku, kertas, dokumen, rekod atau benda dihadapannya;
>
> (iii) mengendalikan sumpah, ikrar atau akaun berkanun, mengikut kehendak keadaan;
>
> (iv) mendapatkan dan menerima apa-apa keterangan lain dan membuat apa-apa siasatan lain sebagaimana yang difikirkannya patut;
>
> (v) memanggil pihak-pihak kepada prosiding itu atau mana-mana orang lain supaya hadir dihadapannya untuk memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen,rekod atau benda lain dalam milikannya atau selainnya untuk membantu Tribunal dalam penimbangtelitiannya;
>
> (vi) menerima keterangan pakar;dan
>
> (vii) secara umumnya mengarahkan dan melakukan segala perkara yang perlu atau suaimanfaat bagi maksud mempercepat penentuan tuntutan itu.
>
> (g) Sesuatu saman panggilan yang dikeluarkan dibawah seksyen ini hendaklah diserahkan dan dikuatkuasakan seolah-olah ia saman yang dikeluarkan oleh mahkamah rendah.

[22] Di atas sebab-sebab seperti yang dinyatakan di atas, award oleh Tribunal yang diberi pada 23 April 2003 tidak dapat dikekalkan dari segi undang-undang kerana ianya adalah bertentangan dengan s 104(2) Akta tersebut. Mahkamah ini berpendapat bahawa kegagalan untuk mematuhi kehendak statutori seperti dalam kes ini adalah satu kemungkiran asas (fundamental) dan serius dan tidak boleh dikompromi atau boleh diperbaiki. Selain daripada sebab tersebut, mahkamah ini juga mendapati tidak ada sebarang afidavit jawapan yang mempertikaikan permohonan (lampiran 11) di mahkamah ini oleh responden pertama atau kedua dimana permohonan tersebut telah pun diserahkan kepada mereka dan tarikh-tarikh pendengaran telah pun dimaklumkan (rujuk kes *Ng Hee Thong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281); *Alloy Automotive Sdn Bhd v Perusahaan Ironfield Sdn Bhd* [1986] 1 MLJ 382 dan *Sunrise Sdn Bhd v First Profile (M) Sdn Bhd & Anor* (1997) 1 CLJ 529 di ms 535).

[23] Mahkamah ini juga ingin menyatakan di sini bahawa keadilan bukan sahaja untuk pengguna walaupun Tribunal diwujudkan untuk menyelesaikan

tuntutan-tuntutan kecil yang tidak melebihi RM25,000 yang dihadapi oleh pengguna-pengguna. Sebaliknya, keadilan juga terpakai dengan adil dan saksama bagi pihak-pihak yang dituduh dan hadir di Tribunal dan Tribunal sepatutnya memberi peluang yang saksama kepada pemohon untuk mengemukakan keterangan dan menyangkal tuntutan pengguna; dalam kes ini, tuntutan oleh responden pertama. Di sini adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa keadilan yang diteruskan secara tergesa-gesa adalah keadilan yang dinafikan (Justice hurried is justice denied) (rujuk kes *Soonfroze Corp Sdn Bhd v Siti Salabiah bte Chek Hassan & Ors* [2003] 5 MLJ 361; [2003] 2 AMR 427; dan [2003] 6 CLJ 97) keputusan saya.

[24] Dengan itu, mahkamah ini membenarkan permohonan pemohon seperti dipohon bagi prayer (a) dan (b) lampiran 11. Seterusnya, award yang diberi oleh Tribunal pada 23 April 2003 diketepikan (quashed).

Permohonan dibenarkan.

Reported by Brendan Navin Siva